



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	5/11/2019	MUKA SURAT	:	8
JABATAN	:	JPS			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Hujan lebat empat jam sebabkan banjir kilat

Tawau: Hujan berterusan selama hampir empat jam malam kelmarin mengakibatkan beberapa kawasan di daerah ini dilanda banjir kilat.

Antara kawasan yang terjejas akibat banjir ialah Kampung Baru Batu 2 Apas, Kampung Haji Sundu, Kampung Rawa-Rawa Batu 4 dan beberapa kawasan taman perumahan termasuk Taman Green, Taman Pasadena di Jalan Chong Thien Vun turut digenangi air.

Pegawai Angkatan Pertahanan Awam (APM) Tawau, Leftenan (PA) Saharuddin Jusuf berkata, dua pasukan



ANGGOTA APM membantu penduduk kampung keluar selepas banjir kilat di Tawau.

masing-masing dengan dua pegawai dan 20 anggota bersama dua bot digerakkan ke beberapa lokasi yang me-

ngalami banjir bermula jam 6.20 pagi.

"Anggota kami bertindak membantu membawa ke-

luar penduduk kampung termasuk murid sekolah ke kawasan lebih tinggi," katanya.